

Headline	Pelaburan ekuiti TH kekal kukuh sebanyak RM7.48 bilion		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Oct 2019	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	8	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	129 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,445
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,334



Pelaburan ekuiti TH kekal kukuh sebanyak RM7.48 bilion

KUALA LUMPUR - Pelaburan ekuiti Lembaga Tabung Haji (TH) kekal teguh dengan peningkatan nilai ekuiti domestik sebanyak RM1.12 billion kepada RM7.48 bilion setakat 27 September 2019 berbanding RM6.36 bilion pada akhir 2018.

Dalam satu kenyataan semalam, TH berkata, ia terus mengambil peluang untuk melabur dalam pasaran ekuiti domestik bagi mengukuhkan portfolio pelaburannya dan tidak melepaskan pegangan ekuiti berjumlah RM2.6 bilion atau secara drastik sejak tiga bulan lalu.

“Pelaburan TH tertumpu kepada syarikat-syarikat utama Bursa Malaysia yang mempunyai prestasi kewangan serta rekod dividen yang baik, menjana pendapatan stabil dan patuh syariah termasuk Tenaga Nasional Bhd (TNB) yang merupakan antara pegangan terbesar bagi portfolio TH.

“Secara keseluruhannya pegangan TH dalam TNB telah bertambah sebanyak RM304 juta sejak 18 bulan yang lepas,” katanya dalam kenyataan semalam.

Selain itu, TH menjelaskan bagi 2019, lembaga syarikat itu tidak memiliki mahupun melupuskan pegangan saham dalam syarikat-syarikat seperti FGV Holdings Bhd, Lion Industries Corporation Bhd, T7 Global Bhd, Shin Yang Shipping Corporation, Brahim’s Holdings Bhd dan Cheetah Holdings Bhd seperti dilaporkan media baru-baru ini.

Selain daripada ekuiti, TH juga kini giat dalam mencari peluang pelaburan dalam semua kelas aset seperti harta tanah dan instrumen kewangan berpendapatan tetap seperti sukuk.

“TH sentiasa mengutamakan kepentingan para pendeposit dan melabur secara berhemah selaras dengan strategi peruntukan aset yang mengutamakan pendapatan mampan jangka panjang dengan mengambil kira risiko yang bersesuaian.

“Ia akan terus mengkalkulkan tahap tadbir urus yang tinggi dalam mentadbir dana yang telah diper tanggungjawabkan kepadanya,” katanya. - Bernama